

Mahathir: Ada amalan burukkan imej negara

^{UM} KUALA LUMPUR, 30 Nov. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan hari ini adanya amalan memburukkan imej negara dan kerajaan dengan memberi maklumat palsu kepada umat Islam di negara lain serta meminta mereka mengecam kerajaan.

Oleh Mahani Othman

"Perbuatan tersebut menyebabkan hubungan baik yang terjalin di antara negara ini dengan dunia Islam telah retak dan kerajaan juga turut menerima telegram-telegram dari punca yang tidak memberikan alamat," katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir perbuatan tersebut adalah punca kelemahan orang Islam dan negara-negara Islam hari ini.

Berucap merasmikan Expo Pembangunan Islam sempena menyambut abad ke 15 Hijrah di Stadium Negara pagi ini, beliau berkata umat Islam akan lemah selagi mereka tidak mahu mengakui hakikat ini.

lam disebabkan mereka mengeneipikan persaudaraan Islam dan tidak mengikut ajaran Islam yang menyuruh umat berpegang kepada tali Allah," katanya.

Umat Islam juga telah ketinggalan dari segi penguasaan sebahagian besar dari pengetahuan manusia kerana ada yang membahagikan ilmu kepada sekular dan tidak.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata expo itu hanya berjaya jika, setelah melihat, seseorang kembali semula kepada ajaran Islam yang telah

menjadikan Islam sebagai kuasa yang menghilangkan kegelapan dan penuh dengan kesederhanaan.

Beliau menegaskan umat Islam akan terkongkong selagi mereka bergantung kepada pertolongan orang lain setiap kali mereka diserang.

Sebanyak 36 gerai menyertai Expo Pembangunan Islam itu yang bermula hari ini, sehingga 14 Disember. Hasil-hasil pengeluaran yang dipamerkan di expo itu juga dijual kepada orang ramai.

Palsu

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mendedahkan terdapat juga amalan memfitnah dengan memburukkan imej negara dan kerajaan dengan memberikan maklumat palsu kepada umat Islam yang lain.

"Agama Islam melarang umatnya membuat fitnah kerana fitnah lebih berbahaya dari membunuh", tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir melahirkan harapan agar mereka yang mengunjungi expo itu nanti mempunyai semangat keislaman mahu melihat agama Islam sekali lagi mencapai zaman kegemilangan.

Menurutnya, tafsiran yang tersendiri, kerana mengutamakan pengaruh dan kepentingan persendirian dan menganggap Islam tidak lebih dari hukuman mengeratkan, rejam batu dan pancung leher menyebabkan umat Islam lemah.

"Kelemahan umat Is-